



KERAJAAN MALAYSIA

Tatacara Perolehan Bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

KANDUNGAN

PENGEQUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN	2
PK 7.2 Tatacara Perolehan Bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan Dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan.....	2
1. Tatacara Perolehan Bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan.....	2

PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN

PK 7.2 Tatacara Perolehan Bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan Dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

1. Tatacara Perolehan Bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

1.1 Takrifan

1.1.1 “Majlis/acara rasmi Kerajaan” adalah ditafsirkan sebagai mesyuarat/persidangan/konvensyen yang diadakan di peringkat Antarabangsa/Kebangsaan/Kementerian/Jabatan, meraikan pelawat iaitu orang-orang kenamaan atau rombongan rasmi dari dalam atau luar Negara yang diakui terwajib diraikan secara rasmi berkaitan dengan urusan Kerajaan, acara pelancaran atau pembukaan rasmi serta penutup sesuatu projek/pertandingan oleh Kementerian/Jabatan.

1.1.2 “Pakej” ditakrifkan sebagai perolehan yang merangkumi kombinasi daripada mana-mana itembagi menganjurkan majlis/acara rasmi Kerajaan dan jamuan keraian rasmi Kerajaan seperti penginapan, makan minum, sewaan dewan/bilik mesyuarat, penyewaan peralatan dan kemudahan lain yang berkaitan.

1.1.3 “Katering” ditakrifkan sebagai perkhidmatan penyediaan makanan bagi majlis jamuan yang diuruskan oleh Agensi tanpa melibatkan penginapan atau sewaan dewan/ khemah serta peralatan seperti kerusi, meja, perhiasan dan alat siaraya.

1.2 Peraturan ini tidak terpakai bagi tujuan kursus dan latihan.

1.3 Kaedah Dan Had Nilai Perolehan

1.3.1 Perbendaharaan bersetuju membenarkan Agensi untuk menguruskan perolehan perkhidmatan penginapan, makan minum, sewaan dewan/bilik mesyuarat, sewaan peralatan dan kemudahan lain yang berkaitan secara pakej atau katering bagi penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan jamuan keraian rasmi Kerajaan secara rundingan terus dan hendaklah diputuskan oleh pihak berkuasa melulus seperti berikut:

Bil.	Had Nilai (bagi setiap majlis)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50,000	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal
ii.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga
iii.	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan Agensi (mengikut had nilai yang ditetapkan)

1.4 Syarat-Syarat Perolehan

1.4.1 Agensi hendaklah memastikan syarat-syarat seperti berikut dipatuhi sebelum perolehan dilaksanakan:-

1.4.1.1 Kajian Pasaran

Kajian pasaran hendaklah dibuat terlebih dahulu bagi mendapatkan harga tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan dan tidak tertumpu kepada satu penyedia perkhidmatan sahaja serta hendaklah memberi peluang kepada syarikat-syarikat lain yang berkelayakan untuk menyertai perolehan tersebut;

1.4.1.2 Perkhidmatan Secara Pakej Bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan Keutamaan hendaklah diberikan seperti berikut:-

- (a) hotel/pusat konvensyen yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan atau anak-anak syarikatnya. Hotel/pusat konvensyen yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan atau anak-anak syarikatnya adalah dikecualikan daripada berdaftar dengan Kementerian Kewangan; dan
- (b) hotel yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 222501-Hotel/Resort atau syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

1.4.1.3 Perkhidmatan Katering Bagi Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

Agensi adalah digalakkan untuk mengatur jamuan keraian rasmi di pejabat secara katering. Keutamaan hendaklah diberi kepada syarikat/hotel yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 040103 (Makanan Bermasak Islam) di dalam kawasan/daerah berkenaan untuk menyediakan perkhidmatan katering;

1.4.1.4 Kadar Kelayakan

- (a) Kadar penginapan, makan minum peserta dan urus setia serta jamuan keraian rasmi Kerajaan hendaklah tidak melebihi kadar kelayakan semasa yang berkuat kuasa dan kadar yang ditetapkan bagi host jamuan berkenaan;
- (b) Kelulusan daripada Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, Kementerian Kewangan hendaklah diperolehi terlebih dahulu sekiranya penganjuran majlis/katering melebihi kadar kelayakan semasa yang berkuat kuasa;

1.4.1.5 Lain-lain

- (a) Bagi perolehan pakej perkhidmatan penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan jamuan keraian rasmi Kerajaan yang bernilai sehingga RM50,000 boleh dilaksanakan dengan mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- (b) Kekurangan mengadakan Majlis/Keraian Rasmi hendaklah dihadkan kepada aktiviti-aktiviti rasmi yang dianggap penting dan perlu sahaja; dan
- (c) Pelantikan pengurus acara (*event manager*) adalah tidak dibenarkan.

1.5 Jawatankuasa Penilaian

1.5.1 Agensi hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian dengan keahlian hendaklah terdiri daripada tiga (3) orang iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli, di mana sekurang-kurangnya seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

1.5.2 Tanggungjawab Jawatankuasa adalah seperti berikut:

1.5.2.1 Memastikan syarat-syarat perolehan bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan Dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan dipatuhi;

1.5.2.2 Menilai kemampuan syarikat/hotel/pusat konvensyen dengan mengambil kira faktor-faktor seperti syarat dan kadar pembayaran, diskaun, harga pasaran terbuka, keupayaan penyedia kemudahan dan lain-lain kriteria yang ditetapkan oleh Agensi. Perbandingan antara satu tawaran dengan tawaran yang lain hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*); dan

1.5.2.3 Memperakukan pemilihan syarikat/hotel/pusat konvensyen yang layak kepada pihak berkuasa melulus berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan Agensi.

1.6 Pengecualian

1.6.1 Bagi perolehan penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan jamuan keraian rasmi Kerajaan, Agensi diberi pengecualian untuk perkara-perkara berikut:

1.6.1.1 Bon Pelaksanaan

Perbendaharaan bersetuju memberi pengecualian kepada Agensi daripada mengenakan Bon Pelaksanaan kepada penyedia pakej perkhidmatan penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan penyedia perkhidmatan katering untuk jamuan

keraian rasmi Kerajaan tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai;

1.6.1.2 Kontrak Formal

Agensi dikecualikan daripada mengadakan kontrak formal bagi perolehan pakej perkhidmatan penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan perkhidmatan katering untuk jamuan keraian rasmi Kerajaan yang dilaksanakan secara *one off*. Walau bagaimanapun syarat-syarat dan terma-terma bagi perkhidmatan tersebut hendaklah dinyatakan dengan jelas bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara dan dilampirkan bersama Pesanan Kerajaan; dan

1.6.1.3 Pesanan Kerajaan

Bagi perolehan pakej perkhidmatan penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan perkhidmatan katering untuk jamuan keraian rasmi Kerajaan, Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1(d) atau (e) atau selewat-lewatnya dalam tempoh satu (1) minggu selepas perkhidmatan diterima. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan ke atas pegawai-pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

- 1.7 Agensi hendaklah memastikan pelaksanaan majlis atau acara rasmi mematuhi sepenuhnya semua peraturan Kewangan termasuk kadar kelayakan dan keraian semasa yang berkuat kuasa.